

Bahagian A[40 *markah*]*Jawab semua soalan*

- 1 Pilihan raya diadakan untuk membolehkan rakyat memilih wakil dalam membentuk kerajaan. Di negara kita, pilihan raya bermula dengan pilihan raya majlis perbandaran, pilihan raya negeri dan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955.

- (a) Senaraikan dua proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

[2 *markah*]

- (b) Jelaskan peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

[4 *markah*]

- (c) Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, apakah ciri-ciri pemimpin yang akan anda pilih?

[4 *markah*]

2 Pelbagai persediaan diatur pada peringkat Persekutuan dan negeri bagi memastikan detik pemasyhuran kemerdekaan negara bermakna kepada negara dan rakyat.

(a) Nyatakan **dua** jawatankuasa yang dibentuk untuk menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Terangkan persediaan yang dilaksanakan menjelang pemasyhuran kemerdekaan negara.

[4 markah]

(c) Mengapakah pemasyhuran kemerdekaan negara perlu disambut secara besar-besaran?

[4 markah]

- 3 Majlis Raja-Raja yang bermula dengan pembentukan Durbar merupakan sebahagian daripada institusi Raja Berperlembagaan di negara kita, yang mempunyai kedudukan dan peranan dalam pemerintahan negara berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

(a) Apakah yang anda faham tentang Durbar?

[2 markah]

(b) Terangkan kedudukan Majlis Raja-Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

[4 markah]

(c) Pada pandangan anda, mengapakah institusi beraja di negara kita perlu dipertahankan?

[4 markah]

- 4 Sistem Persekutuan di negara kita mempunyai latar belakang sejarah tersendiri iaitu bermula sejak tahun 1896 sehingga tahun 1963.

(a) Apakah maksud sistem Persekutuan?

[2 markah]

(b) Jelaskan sejarah pembentukan persekutuan selepas kemerdekaan.

[4 markah]

(c) Mengapakah perlu sebuah Kerajaan Persekutuan yang kuat di negara kita?

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

5 Sistem Ahli telah dilaksanakan pada April 1951 hingga Jun 1955.

- (a) Jelaskan latar belakang pembentukan Sistem Ahli. [6 markah]
- (b) Terangkan ciri-ciri Sistem Ahli. [6 markah]
- (c) Huraikan kepentingan permufakatan dalam menjamin kesejahteraan masyarakat. [8 markah]

6 Kerajaan British mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid dan memulakan tugasnya pada akhir bulan Jun 1956.

- (a) Terangkan tugas Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. [4 markah]
- (b) Huraikan langkah-langkah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. [8 markah]
- (c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

MUTAKHIR ini, isu berkaitan kontrak sosial terus diungkit dan menjadi polemik dalam kalangan rakyat Malaysia pelbagai kaum. Siri polemik itu jika tidak ditangani mampu mengundang ketegangan kaum dan menggugat keselamatan negara.

Sumber daripada Majlis Profesor Negara menyatakan konsep kontrak sosial itu merujuk kepada persetujuan bersama yang tercapai dalam kalangan pemimpin Melayu, Cina dan India pada 1956. Persetujuan dan kesepakatan itu berlaku ketika Suruhanjaya Reid sedang mengumpulkan pandangan pelbagai pihak yang tinggal di negeri-negeri Tanah Melayu untuk menggubal Perlembagaan Persekutuan bagi mencapai kemerdekaan pada 1957.

Melalui kontrak sosial itu, semua kaum diberikan jaminan hak timbal balas kepada kerelaan mereka melepaskan sebahagian daripada hak yang lain. Orang Melayu mendapat hak keistimewaan, jaminan kedudukan agama Islam, bahasa Melayu, tanah rizab Melayu dan hak-hak yang lain.

Kaum lain mendapat jaminan hak mengamalkan adat resam, bahasa dan agama masing-masing. Di samping hak mereka yang terpenting iaitu hak kewarganegaraan untuk berkongsi hidup sebagai rakyat di bumi Malaya ini.

(Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/52989/KOLUMNIS/Faham-dan-hayati-kontrak-sosial>)

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara sekiranya kontrak sosial tersebut dipersoalkan. [8 markah]

- 7 Pemerintah dan rakyat memainkan peranan penting bagi mempertahankan kedaulatan negara.
- (a) Mengapakah kedaulatan penting kepada sesebuah negara? [6 markah]
 - (b) Jelaskan peranan pemerintah dan rakyat bagi mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi. [6 markah]
 - (c) Kedaulatan negara bergantung kepada warganya yang bersatu. Buktikan. [8 markah]
- 8 Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen
- (a) Jelaskan amalan sistem Raja Berperlembagaan di negara kita. [4 markah]
 - (b) Terangkan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam sistem Raja Berperlembagaan. [8 markah]
 - (c) Prinsip Rukun Negara yang kedua ialah “Kesetiaan kepada Raja dan Negara”. Mengapakah prinsip ini penting kepada negara? [8 markah]
- 9
- (a) Apakah manfaat yang yang diperoleh daripada kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. [4 markah]
 - (b) Jelaskan usaha kerajaan bagi mewujudkan kawasan keselamatan khas bagi:
 - (i) Daerah Rajang di Sarawak [4 markah]
 - (ii) Pantai Timur Sabah [4 markah]
 - (c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

SHAH ALAM: Negara Malaysia merupakan negara yang mempunyai pelbagai kaum yang ditadbir di bawah sistem pentadbiran berteraskan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen serta kesatupaduan antara rakyat dengan rakyat, negeri dengan negeri dan pengiktirafan negara-negara luar.

Keselamatan negara Malaysia merujuk kepada situasi bebas daripada sebarang ancaman dari dalam dan luar negara. Ancaman keselamatan ini telah berlaku sejak awal kemerdekaan 1957 lagi seperti ancaman komunis dan peristiwa berdarah 13 Mei 1969.

Geografi Malaysia berada pada kedudukan yang strategik iaitu di tengah-tengah rantau Asia Tenggara dan terletak di laluan penghubungan laluan kapal dunia antara Selat Melaka dengan Laut China Selatan.

Kedudukan geografi ini telah mempengaruhi hubungan Malaysia bersama dengan negara-negara serantau dan antarabangsa dalam aspek politik, sosio-ekonomi, keselamatan, budaya, pertahanan dan lain-lain.

Sumber :Uitm News Hub/Merdeka:Cabaran Mempertahankan Kedaulatan Negara/Noraiman Suhaidi Norizan/3/9/2022

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan cadangan langkah yang perlu diambil bagi mempertahankan kedaulatan negara [8 markah]